

# BULETIN Pj

EDISI BAHARU

KELUARAN - OKTOBER 2018

PEJABAT PRESIDEN



# Sidang REDAKSI

## KETUA EDITOR



YM Tengku Aina binti YTM Tengku Ismail Shah

## EDITOR



Puan Haryani  
binti Kaulan



Cik Siti Nurul  
Azzua binti Tamjis

## URUS SETIA SOKONGAN TEKNIKAL (ICT)



Encik Amran  
bin Ashaari



Puan Syalinda binti  
Abu Hassan Al Shaari



Encik Rosmaidi  
bin Rimin

## GRAFIK DAN REKA BENTUK



Puan Zuraida  
binti Zainol

## PENULIS



Encik Khalilurrahman  
bin Kamaruz-zaman



Puan Nor Azimah  
binti Jamaluddin



Encik Asmawi  
bin Ahmad



Encik Adi Khirman  
bin Marji



Encik Mohd Fairus  
bin Mohd Padzil



Puan Norhaliza  
binti Hanifah



Puan Nur Nisha  
binti Mohd Idrus



Puan Fadhlul Jannah  
binti Abd Karim



Puan Wan Aslina  
binti Wan Awang



Encik Mohd Faizal  
bin Ab. Wahab Chu



Puan Jane Jasmin  
binti Benjamin Yuen



Encik Muhammad  
Shurazi bin Sukhur

## ISI KANDUNGAN

- |   |     |
|---|-----|
| 1. Selamat Datang Datuk Dr. Aminuddin Hassim Presiden Perbadanan Putrajaya Ke-5 | 3   |
| 2. Penguat Kuasa Perbadanan Putrajaya Terima Amanat                             | 4   |
| 3. Pertandingan Bicara Irama Tingkat Penggunaan Bahasa Melayu Di Kalangan Murid | 5   |
| 4. 1,737 Sertai Pertandingan Fotografi Pelancongan Putrajaya 2018               | 6-7 |

## PERTANYAAN

Sidang redaksi **Buletin Perbadanan Putrajaya** mengalu-alukan komen, ulasan dan sumbangan dari semua pembaca.

Email pertanyaan hendaklah ditujukan kepada [ppjonline@ppj.gov.my](mailto:ppjonline@ppj.gov.my)

Bahagian Komunikasi Korporat,  
Jabatan Perkhidmatan Korporat,  
Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana,  
Presint 3, 62675 Putrajaya.

Untuk maklumat lanjut, sila layari:



**putrajaya**



**putrajayacorp**



**perbadananputrajaya**



**perbadananputrajaya**



**+perbadananputrajaya**



## SELAMAT DATANG DATUK DR. AMINUDDIN HASSIM PRESIDEN PERBADANAN PUTRAJAYA KE-5

Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), Datuk Dr. Aminuddin bin Hassim melakukan pemeriksaan Perbarisan Kehormat di Majlis Paluan Selamat Datang Presiden di Kompleks Perbadanan Putrajaya, Presint 3.

Perbarisan terdiri daripada dua orang pegawai dan 20 orang anggota penguatkuasa PPj. Datuk Dr. Aminuddin Bin Hassim telah dilantik sebagai Presiden Perbadanan Putrajaya yang ke-5 menggantikan YBhg. Datuk Seri Haji Hasim Bin Haji Ismail yang telah tamat perkhidmatan pada 31 Julai 2018 yang lalu.



# PENGUAT KUASA PERBADANAN PUTRAJAYA TERIMA AMANAT

Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), YBhg. Datuk Dr. Aminuddin bin Hassim melakukan pemeriksaan Perbarisan Kehormat di Majlis Pemeriksaan Kehormat dan Penyampaian Amanat Penguinkuasa Perbadanan Putrajaya pada 10 Oktober 2018 di Dataran Putrajaya, Presint 3.

Turut hadir Naib Presiden Kanan PPj, YBhg. Dato' Omairi bin Hashim dan Naib Presiden Jabatan Perkhidmatan Bandar PPj, YBhg. Datuk Azizi bin Haji Ahmad Termizi.

Dianjurkan bersempena dengan Hari Penguinkuasa PPj pada 10 Oktober 2018 bertujuan untuk meraikan serta mengukuhkan semangat “esprit de corps” di kalangan semua anggota penguat kuasa PPj.

Perbarisan kehormat terdiri daripada dua orang pegawai dan 20 orang anggota penguatkuasa PPj. Perbarisan juga turut disertai oleh 10 pegawai, 51 anggota penguatkuasa serta 8 orang kakitangan pentabiran dari pelbagai unit dari Bahagian Penguinkuasaan PPj. Presiden PPj turut menganugerahkan Pingat Perkhidmatan Penguinkuasa kepada 4 orang anggota yang telah mencapai 5 tahun tempoh perkhidmatan.

Selain daripada acara perbarisan kehormat, PPj turut mengadakan kejohanan sukan seperti sepak takraw, bola tampar, memanah dan boling yang melibatkan 7 agensi penguatkuasa lain seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen, Kementerian Perdagangan dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNKKHEP), Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).



# **PERTANDINGAN BICARA IRAMA TINGKAT PENGGUNAAN BAHASA MELAYU DI KALANGAN MURID**

Perbadanan Putrajaya(PPj) bersama-sama Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya menganjurkan Pertandingan Bicara Berirama Peringkat Wilayah Persekutuan Putrajaya pada 11 Oktober 2018 bertempat di Auditorium Cempaka Sari, Kompleks Perbadanan Putrajaya, Presint 3.

Majlis perasmian dan penyampaian hadiah disempurnakan oleh Presiden PPj, YBhg. Datuk Dr. Aminuddin Bin Hassim. Turut hadir Naib Presiden Kanan PPj, YBhg. Dato' Omairi Hashim, Pengarah Pendidikan Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya, Puan Hajah Roaini binti Jaafar, Ketua Sektor Pengurusan Pembangunan Kemanusiaan Kementerian Pendidikan, Encik Kamaluddin Bin Mohd Kassim dan Pengetua SMK Putrajaya Presint 14(1) selaku pengelola pertandingan, Encik Ruslan bin Abd Rahman.

Pertandingan ini diadakan bertujuan untuk menggalakkan dan meningkatkan penguasaan serta penggunaan Bahasa Melayu Baku dan Bahasa Melayu yang indah dalam kalangan murid-murid sekolah.

Sejumlah 150 murid terdiri daripada tingkatan peralihan 1, 2 dan 3 daripada 5 sekolah menengah rendah di Putrajaya iaitu SMK Putrajaya Presint 8(1), SMK Putrajaya Presint 5(1), SMK Putrajaya Presint 14(1), SMK Putrajaya Presint 16(1) dan SMK Putrajaya Presint 9(1) terlibat dalam pertandingan ini. Bakal pemenang akan membawa medal dan sijil.

Program Bicara Berirama ini telah diperkenalkan pada tahun 2012 sebagai satu pertandingan atau persembahan bahasa puisi/prosa dalam bentuk berkumpulan. Persembahan dengan had masa 12 hingga 15 minit, setiap pasukan akan membentuk satu paduan suara tematik yang menghayati hasrat atau tema untuk diperdengarkan kepada audiens. Kesepadan dan keseragaman bersuara ini akan dikawal oleh seorang peserta yang bertindak sebagai konduktor.

Aktiviti ini melibatkan pelbagai bentuk suara individu yang disatukan untuk menyampaikan mesej pasukan atau kumpulan. Dalam kumpulan/pasukan itu akan ditonjolkan pelbagai intonasi suara seperti suara-suara halus dan garau, lembut dan kasar, lelaki atau perempuan, seruan dan laungan yang nyaring serta berbagai-bagai lagi. Suara individu boleh digunakan sebagai suara solo.

**Presiden Perbadanan Putrajaya**

ANJURAN BERSAMA  
PERBADANAN PUTRAJAYA DAN  
JABATAN PENDIDIKAN WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA





# 1,737 SERTAI PERTANDINGAN FOTOGRAFI PELANCONGAN PUTRAJAYA 2018

PUTRAJAYA, 23 Oktober 2018- Perbadanan Putrajaya (PPj) umum pemenang-pemenang Pertandingan Fotografi Pelancongan Putrajaya 2018 di Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Fotografi Pelancongan Putrajaya 2018 di Kompleks Perbadanan Putrajaya Presint 3 Putrajaya pada 23 Oktober 2018 yang lalu.



Majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Presiden PPj, YBhg. Datuk Dr. Aminuddin Bin Hassim. Turut hadir bersama adalah Yang Berbahagia Datuk M. Noorazman bin Taib, Timbalan Ketua Setiausaha Perancangan dan Pembangunan Kementerian Wilayah Persekutuan dan Naib Presiden Perkhidmatan Korporat, Perbadanan Putrajaya, YBrs. En. Kamaruddin Bin Dolmat.

Pertandingan yang telah



berlangsung pada 22 Mei hingga 30 September 2018 yang lalu berjaya menarik sebanyak 1,737 penyertaan berbanding hanya 618 penyertaan pada tahun lalu. Ia terbahagi kepada tiga kategori iaitu Alam Semulajadi (nature), Gaya Hidup (lifestyle) dan Video Pendek. Pertandingan fotografi kategori video pendek ini merupakan kategori baharu yang bertemakan “Best of Putrajaya” memberi peluang kepada peserta untuk merakam momen berkaitan dengan acara, sukan, manusia dan cara hidup melalui telefon bimbit dan alatan perakam lain.

Juara pertandingan bagi setiap kategori membawa pulang wang tunai bernilai RM4,000, manakala bagi naib juara membawa pulang wang tunai RM2,000, tempat ketiga membawa pulang wang tunai RM1,000 dan lima pemenang

saguhati pula membawa pulang RM200 seorang. Jumlah hadiah keseluruhan adalah sebanyak RM24,000.

Pertandingan Fotografi Pelancongan Putrajaya 2018 merupakan salah satu usaha mempromosikan Putrajaya sebagai destinasi pelancongan utama negara dengan memperkenalkan keindahan Putrajaya menggunakan medium fotografi dan videografi.

Pertandingan ini diharap dapat menggalakkan para peserta berkongsi pengalaman dan karya mengenai Putrajaya seperti taman-taman awam, tasik serta wetland yang menawarkan kepelbagaiannya flora dan fauna, momen menarik gaya hidup di Putrajaya di samping mengumpul koleksi gambar-gambar pelancongan Putrajaya melalui pelbagai medium.